

UniKL tawar 10 program ijazah, lima diploma

UNIVERSITI Kuala Lumpur (UniKL) yang menawarkan program peringkat ijazah sarjana muda dan diploma di semua fakulti termasuk di kolej bersekutu mempelawa lulusan Matrikulasi dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) melanjutkan pengajian di institusi berkenaan bagi Sesi Akademik 2003/2004 Julai ini.

Selain itu, lulusan diploma dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau swasta (PTS) yang diiktiraf dan kelayakan lain turut layak mengikuti program ijazah yang ditawarkan khususnya Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan.

Lulusan SPM, SPMV atau persijilan dengan purata gred mata terkumpul (CGPA) yang baik daripada politeknik atau Institut Kemahiran Mara (IKM) juga layak memohon untuk mengikuti program peringkat diploma.

UniKL menawarkan 10 program peringkat ijazah sarjana muda dan lima peringkat diploma bagi sesi Akademik 2003/2004.

Presidennya, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Saad berkata, semua program Bachelor of Engineering Technology (BET) akan dikendalikan sepenuhnya masa di fakulti dan kolej bersekutu UniKL, seperti Malaysia France Institute (MFI), German Malaysian Institute (GMI) dan British Malaysia Institute (BMI).

Katanya, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia (FTKK) di Tabuh Naning, Melaka, pula menawarkan lima program diploma iaitu Diploma in Engineering Technology (Chemical/Environment/Bioprocess).

FTKK setakat ini mempunyai 69 pelajar mengikuti program peringkat diploma bagi Sesi Januari 2002/2003.

UniKL di German Malaysia Institute (GMI) dan British Malaysian Institute (BMI) pula menawarkan dua program ijazah sarjana muda iaitu Bachelor of Engineering Technology in Mechatronics/Tool & Die dan Bachelor of Engineering Technology in Electrical/Electronics.

"Malaysia France Institute

(MFI) menawarkan dua program Bachelor of Engineering Technology in Automation & Robotics/Air-Conditioning & Refrigeration, sebagai tambahan kepada 71 pelajar sarjana muda yang memulakan pengajian pada Sesi 2002/2003," katanya.

Sementara itu, empat program peringkat ijazah pertama iaitu Bachelor of Engineering Technology in Product Design/Industrial Product Design/System Management & Multimedia & E-Commerce akan ditawarkan di kampus induk UniKL di TH Perdana, Kuala Lumpur.

Semua program adalah tambahan kepada beberapa program peringkat ijazah muda dan diploma ditawarkan UniKL sebelum ini.

Menurut Dr Ibrahim, tempoh pengajian untuk semua program ijazah ialah empat tahun, manakala peringkat diploma tiga tahun. UniKL turut menawarkan kursus peringkat persediaan mengikut keperluan.

"Semua program latihan dan pembelajaran di UniKL dikendalikan secara praktikal atau 'hands-on' dengan menumpukan banyak latihan dan kemahiran berbanding pendekatan teori.

"Adalah penting pelajar UniKL didedahkan dengan kemahiran pengurusan termasuklah bidang Perakaunan dan Pengurusan Sumber Manusia, Prinsip dan Amalan Keusahawanan, Komunikasi dan Pembangunan Sahsiah dan Jati Diri Pelajar.

"UniKL ialah sebuah institusi pengajian tinggi swasta (PTS) yang ditubuhkan dan dibiayai sepenuhnya oleh Mara melalui anak syarikatnya, Universiti Teknikal Mara Sdn Bhd.

"UniKL adalah universiti teknikal dan vokasional yang menjadi kemuncak kepada sistem pendidikan teknikal dan vokasional di bawah kelolaan Mara," katanya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi Bahagian Kemasukan, Rekod dan Hal Ehwal Pelajar di talian 603-2698 9895 atau fax 603-2698 9896.